



FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KECENDERUNGAN BEKERJA PENGHUNI PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN)

Mohd Azlan Bin Mohd Nor¹

Mahmood Nazar Bin Mohamed²

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi mengkaji hubungan di antara pengaruh psikologikal iaitu pengaruh nilai, pengaruh keperluan, pengaruh kepercayaan kepada hasil kerjaya serta taraf pendidikan dan pengaruh sosio-ekonomi iaitu pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sekolah, pengaruh masyarakat serta pengaruh keadaan ekonomi dalam mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni-penghuni PUSPEN. Model kajian yang dibentuk oleh pengkaji berdasarkan Teori Pembangunan Kerjaya oleh Super (1984) yang menggunakan pendekatan umur-hidup dan ruang-hidup. Kajian telah dilakukan di semua lapan buah PUSPEN di zon utara yang melibatkan seratus sembilan puluh sembilan responden yang mana terdiri daripada bangsa Melayu yang berada di fasa empat sahaja. Hasil kajian mendapati bahawa faktor keperluan dan kepercayaan kepada hasil kerjaya mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Manakala faktor-faktor lain didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Hasil ujian regresi juga mendapati semua pembolehubah tidak mempunyai hubungan dalam mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN.

¹ Komandan, Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN), Agensi Antidadah Kebangsaan, Bukit Chabang, Perlis.

² Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Agensi Antidadah Kebangsaan



ABSTRACT

This study is to investigate the relationship between psychological factors such as values, needs, beliefs on career outcomes, academic achievement and socio-economic factors such as family members, peers, school influence, society and economic situation in influencing work tendency among the inmates of PUSPEN. A research model has been formulated by researcher from Super (1984) Career Development Theory which used life-span, life-space approaches. This research was conducted in all eight PUSPEN in the north zone which involving one hundred and ninety nine respondents who were Malay and in the fourth phase of the rehabilitation programme. Result showed that needs factor and belief of the career outcomes have a significant relationship in influencing the tendency to work among the inmates of PUSPEN. Other factors have no significant relationship in influencing the tendency to work among the inmates. Regression analysis also showed that all the factors have no significant relationship in influencing the work tendency.

PENGENALAN

Masalah penggunaan, penyalahgunaan dan penagihan dadah adalah suatu gejala sosial yang serius. Penagihan serta pengedaran dadah yang berleluasa boleh menjejaskan kesejahteraan sosio-ekonomi, rohani dan budaya serta mengancam keselamatan Negara (ADK, 1997), selain dari menjejaskan keharmonian keluarga, merosakkan nilai tradisi masyarakat dan nilai agama serta hilang maruah diri dan tidak menghormati ibubapa (Abdullah Al Hadi & Iran Herman, 1997; Abdul Ghaffar Taib, 1989; ADK, 1997). Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan program rawatan dan pemulihan perlu memastikan strategi



pemulihan yang bertujuan untuk memutuskan pergantungan kepada dadah dan mencegah penagihan semula berjalan dengan baik dan berkesan.

Pusat-Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) menjalankan program rawatan dan pemulihan yang sama berpandukan objektif iaitu memulihkan penagih dadah secara reformatif dalam suasana terkawal supaya mereka bebas dari pergantungan fizikal serta psikologikal dan terus menjadi rakyat yang bebas dari dadah. Program ini bertujuan untuk melahirkan perwatakan bebas dari dadah dengan unsur moral, keagamaan, sivik, disiplin dan kemahiran vokasional juga ditekankan aktiviti sosial, kemasyarakatan dan ekonomi (Mahmood, N.M., Md Shuib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhammad Dzahir Kasa & Rusli Ahmad, 1999).

Faktor tiada pekerjaan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada penagihan semula (Bray, 2000; Carson-Dewitt, 2001; Delina & George, 1999; Montoya, 1996; Sterling, 2001). Mc Coy dan Lai (1997) mengatakan bahawa faktor terakhir yang menyebabkan *relapse* ialah tiada keupayaan untuk mendapatkan kerja dan sokongan kewangan.

PEMASALAHAN KAJIAN

Masalah penagihan semula atau *relapse* adalah merupakan cabaran utama kepada program rawatan dan pemulihan dadah. Tiada pekerjaan dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang dan cabaran penting yang menyebabkan *relapse* di kalangan penagih dadah ialah selepas keluar dari pusat pemulihan (Boundy & Collelo, 2001). Selain dari itu mereka juga menghadapi masalah untuk mengekalkan diri dalam pekerjaan (Delina & George, 1999), kelayakan yang rendah (Feldman, 2002; Isaacson & Brown, 2000) dan sikap bias majikan untuk mengambil mereka bekerja (Coelho, 1980; Mahmood, N.M., Muhammad Dzahir Kasa & Yahya Don, 2004; Marks, 2002; Ost, 2002). Hasil kajian yang



dijalankan oleh Sterling (2001) terhadap 120 orang yang pertama kali menjalani program rawatan kokain mendapati 34.5 peratus sahaja bekerja selepas tamat rawatan.

Kepulihan bekas penagih dadah adalah usaha sepanjang hayat (Carson-Dewitt, 2001; Grant, 2001). Untuk mengekalkan kepulihan, mereka memerlukan beberapa situasi bagi membantu usaha-usaha mereka seperti melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh meningkatkan moral dan nilai-nilai spiritual serta latihan tertentu (Zackon, 2001). Walaupun selepas bertahun dalam kepulihan, *relapse* masih menjadi masalah utama dan antara faktornya ialah penggangguran (Mahmood et al., 2004).

Issacson dan Brown (2000) mengatakan mereka ini mempunyai kelayakan pekerjaan ataupun tahap pendidikan yang rendah. Keadaan ini mengurangkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan (Shahnasarin, 2001). Mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan mereka disebabkan tahap pendidikan mempunyai hubungan dengan pekerjaan (Kanfer, Wanberg & Kantrowitz, 2001).

Selain dari pendidikan, pengetahuan dan kemahiran vokasional juga penting bagi mendapatkan pekerjaan (Atkinson, Montoya, Atrevino & Richard, 2000). Kegagalan untuk menyediakan latihan kemahiran dan pilihan pekerjaan boleh merendahkan sendiri penagih dadah dan memberi kesan kepada program pemulihan. Mahmood, N.M., Ismail Ishak dan Noor Azniza Ishak (2003) mengatakan bahawa penagih dadah bukan sahaja perlu dipulihkan daripada masalah penagihan dadah malah perlu diberi latihan dalam bidang kemahiran untuk membantu mereka berkecimpung dalam pelbagai bidang pekerjaan apabila tamat tempoh pemulihan.



Sterling (2001) dalam kajiannya mendapati penagih dadah di bandar tidak mempunyai pendidikan atau latihan bagi mereka mendapatkan pekerjaan yang baik. Manakala dalam kajian Montoya (1996) terhadap 261 orang responden, 47 peratus tidak mempunyai kemahiran untuk mencari pekerjaan. Justeru itu latihan kemahiran adalah sangat penting bagi meningkatkan daya saing bagi mendapatkan pekerjaan.

Ramai bekas-bekas penagih dadah tidak mempunyai dorongan yang kuat untuk berusaha bagi mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kebolehan mereka. Oleh itu kajian perlu dilakukan bagi melihat apakah faktor-faktor yang dapat meningkatkan dorongan kepada bekas-bekas penagih dadah bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan mereka supaya mereka tidak lagi menganggur dan akhirnya meninggalkan tabiat menagih dadah.

Persoalan kajian ini ialah untuk melihat apakah faktor-faktor psikologikal dan faktor-faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara faktor-faktor psikologikal dan faktor-faktor sosio-ekonomi dalam mempengaruhi penghuni Puspén untuk mendapatkan pekerjaan selepas mereka tamat program rawatan dan pemulihan di Puspén.

Secara khususnya pula, kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan setiap faktor psikologikal seperti keperluan (*needs*), nilai (*values*), kepercayaan kepada kerjaya (*beliefs on career*), dan pencapaian akademik (*academic achievement*) dan juga hubungan setiap faktor sosio-ekonomi seperti pengaruh keluarga (*family*), pengaruh rakan sebaya (*peer groups*),



pengaruh sekolah (*school*), pengaruh masyarakat (*society*) dan pengaruh keadaan ekonomi (*the economy*) dalam mempengaruhi kecenderungan penghuni PUSPEN untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat program rawatan dan pemulihan nanti.

KERANGKA TEORI

Kajian ini melibatkan pengaruh psikologikal dan pengaruh sosio-ekonomi yang mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Di dalam mengkaji pembangunan kerjaya bagi mereka yang dalam proses kepulihan penagihan dadah, Szymanski dan Maxwell (1996) mengatakan tidak terdapat teori yang tepat dan khusus manakala Weincrach (1996) mengatakan bahawa Teori Pembangunan Kerjaya Super adalah sesuai digunakan.


Teori Pembangunan Kerjaya Super juga dikenali sebagai Teori Umur-Hidup, Ruang-Hidup (*Life-span, life-space theory*). Teori Pembangunan Kerjaya menggunakan pendekatan umur-hidup, ruang-hidup telah mula ditulis oleh Super pada tahun 1974 (Super 1984). Ia melihat dan menyatakan psikologi tahap umur (*life stage psychology*) dan Teori Peranan (*role theory*) bersama-sama dalam memberi gambaran yang komprehensif mengenai pelbagai peranan kerjaya, bersama-sama dengan penentu-penentunya dan juga bagaimana ia berinteraksi (Super, 1984; Super, Saviskas & Super, 1996).

Super (1990) telah membentuk Model Pintu Gerbang bagi menggambarkan secara jelas faktor-faktor biologikal, psikologikal dan sosio-ekonomi dalam pembangunan dan pemilihan kerjaya. Sebelah pintu adalah berkaitan kemasyarakatan menggambarkan pembolehubah seperti keluarga, rakan sebaya, sekolah, ekonomi dan dasar sosial. Sebelah lagi adalah berkaitan faktor psikologikal yang menggambarkan pembolehubah seperti nilai, keperluan, minat, kebijaksanaan dan kecenderungan. Pembolehubah-



pembolehubah di kedua-dua bahagian ini akan berinteraksi dan membentuk konsep sendiri dan seterusnya menentukan kerjaya.

Berdasarkan teori tersebut maka penyelidik telah membentuk model kajian seperti di Rajah 1 yang mengandaikan bahawa faktor psikologikal iaitu nilai, keperluan, kepercayaan kepada hasil kerjaya dan pencapaian akademik serta faktor sosio-ekonomi iaitu pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sekolah, pengaruh masyarakat dan pengaruh keadaan ekonomi mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan bekerja penghuni Puspén.



Rajah 1
Model Faktor Mempengaruhi Kecenderungan Bekerja Penghuni Puspén



Rumusan Kajian Lepas

Jumlah penagih dadah yang ramai telah menyebabkan negara kehilangan sejumlah besar tenaga buruh. Ini telah menarik minat kajian-kajian yang berkaitan pembangunan kerjaya dan proses kemasukan semula penagih dadah ke dalam tenaga kerja.

Statistik penagih dadah dikesan yang dikeluarkan oleh AADK bagi tahun 2008 menunjukkan pekerjaan yang paling banyak diceburi oleh mereka ialah buruh am (19.8 peratus), perkhidmatan (13.6 peratus), jualan (13.4 peratus), binaan (12.3 peratus), pertanian (11.8 peratus), pengangkutan (7.4 peratus) dan teknikal (6.5 peratus). Manakala penganggur adalah sebanyak 8.9 peratus dan tiada maklumat adalah sebanyak 15.5 peratus.

Banyak kajian telah dijalankan berkaitan kaedah dan keberkesanan program rawatan dan pemulihan. Kajian ini penting bagi membantu usaha memulihkan penagih dadah dengan mengenalpasti keperluan dan faktor yang membantu kepulihan mereka terutama yang berkaitan dengan pekerjaan. Ini adalah kerana mendapatkan pekerjaan dan melakukan sesuatu aktiviti yang bermakna kepada kehidupan mereka dan mempunyai kerjaya akan membantu proses kepulihan (Mahmood et al., 2004).

Penagihan dadah mempunyai hubungan dengan penyertaan dalam pekerjaan. Dalam kajian Bray (2000) mendapati penagihan dadah mempunyai hubungan dengan kadar bekerja yang rendah. Manakala Zlotnick (2001) dalam kajian terhadap tahap penyertaan dalam pekerjaan bagi mereka yang menagih dadah yang tiada tempat tinggal telah mendapati sebanyak 51.3 peratus penagih lelaki dan 37.5 peratus penagih wanita daripada 384 responden sahaja yang mempunyai pekerjaan.



Penagih dadah di dalam proses kepulihan menghadapi beberapa rintangan apabila berhadapan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan pekerjaan seperti tekanan psikologikal dan persekitaran. Persepsi dan corak pemikiran bekas penagih dadah mempunyai hubungan dengan kemasukan ke dalam tenaga kerja. Dalam kajian Huffman dan Torres (2001) mendapati mereka mempunyai persepsi bahawa peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah rendah dan mempunyai hubungan dengan corak pemikiran yang negatif. Dalam kajian Sterling (2001) ke atas seratus dua puluh orang yang pertama kali menjalani program rawatan kokain, mendapati hanya 34.5 peratus sahaja yang bekerja selepas keluar dari pusat rawatan. Manakala Zlotnick (2002) dalam kajiannya mendapati sebanyak 47.7 peratus daripada responden sentiasa berada di dalam tenaga kerja.

Faktor-faktor psikologi yang dikaji telah menunjukkan hubungan yang signifikan dengan keinginan untuk bekerja. Nilai yang dipegang mempunyai pengaruh dalam menentukan kelakuan terutamanya jenis pekerjaan yang ingin di pilih. Nilai yang berbeza akan memilih kerjaya yang berbeza (Osipow & Fitzgerald, 1996) kerana manusia berbeza dari segi keupayaan, personaliti, nilai dan minat (Harrington & Harrington, (2002). Cynthia Joseph (1994) juga mendapati dalam kajiannya bahawa sesuatu nilai yang menjadi pegangan seseorang itu akan mempengaruhi tingkahlakunya.

Seseorang itu akan melakukan sesuatu pekerjaan kerana ia sebagai satu keperluan di mana keperluan ini akan memperkukuhkan tingkahlaku supaya keperluan ini dapat dipenuhi (Harrington & Harrington, 2002) dan mempunyai perasaan tanggungjawab kepada keluarga (Leana & Feldman, 1995). Hasil kajian oleh Zlotnick (2002) dan Mazerolle (2004) juga mendapati bahawa mereka yang mendapat bantuan kewangan dan keperluan harian kurang berminat untuk berkerja. Seseorang melakukan sesuatu tindakan kerana mempercayai



dapat memperoleh sesuatu hasil yang bermakna (Connor & Sparks, 1999) dan membentuk sikap yang lebih stabil (Ajzen, 2001). Hasil kajian Hergenrather (2004) mendapati 85 peratus daripada responden percaya bahawa dengan bekerja akan memberi hasil yang positif kerana ia mempunyai nilai kepada kehidupan.

Tahap pendidikan penting dan mempunyai hubungan dengan kemasukan dalam tenaga kerja. Betz dan Voyten (1997) dalam kajiannya mendapati taraf akademik yang tinggi mempunyai hubungan yang positif dengan keinginan untuk bekerja dan diperkukuhkan dengan hasil kajian Mazerolle (2004) yang mendapati mereka yang berkelulusan tinggi dan berkemahiran mempunyai hubungan yang positif dengan bekerja semula.

Bagi melihat hubungan sosio-ekonomi seperti pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sekolah, pengaruh masyarakat dan pengaruh keadaan ekonomi dengan kecenderungan bekerja banyak kajian telah dijalankan.

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan bahawa keluarga mempunyai pengaruh di dalam menentukan kerjaya seseorang. Diantaranya ialah kajian yang menunjukkan keluarga paling berpengaruh di dalam keputusan pemilihan kerjaya (Pornthip, 1989), penglibatan keluarga akan memberi kesan ke atas pemilihan kerjaya (Tang, Fouad & Smith, 1999), kepuasan bekerja dan juga kehidupan (Adam, King & King, 1996) dan sokongan keluarga stabil serta tidak berubah (Procidano & Heller, 1983).

Keluarga mempunyai pengaruh yang penting dan kuat ke atas anak-anak mereka. Kajian Procidano dan Heller (1983) mendapati bahawa rangkaian hubungan kekeluargaan secara kebiasaannya adalah berpanjangan, stabil dan tidak dipengaruhi oleh perkara lain. Manakala kajian Dishion, Patterson, Stoolmiller dan Skinner (1991) mendapati bahawa jika keluarga mempunyai



kawalan yang lemah ia akan menyebabkan masalah disiplin dan antisosial terutamanya dalam penggunaan dadah.

Pengaruh rakan sebaya adalah merupakan salah satu faktor yang penting dalam mendorong individu untuk melakukan sesuatu perkara. Banyak kajian bagi melihat hubungan ini seperti Kandel (1996) berkaitan aktiviti devian, Turner (2002) yang mengkaji berkaitan tahap umur dengan pengaruh rakan sebaya serta Procidano dan Heller (1983) berkaitan dengan kecekapan sosial.

Dalam kajian Paa dan McWhirter (2000) bagi melihat persepsi seseorang mengenai faktor yang mempengaruhi dalam penentuan kerjayanya; mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya tidak begitu kuat kerana mereka melihat ibubapa sebagai *role model* dalam mempengaruhi kesedaran dalam kerjaya mereka.

Sekolah dan persekitaran adalah amat penting dan boleh mempengaruhi kelakuan serta sikap individu dan akhirnya dalam penentuan kerjayanya. Ini kerana sekolah mampu untuk berperanan dalam membentuk masa depan murid (Hotchkiss & Borrow, 1996). Kniveton (2004) dalam kajian bagi melihat pengaruh guru atau ibubapa dalam pemilihan kerjaya serta motivasi pelajar dalam menentukan kerjaya mendapati bahawa pengaruh guru jauh lebih rendah berbanding dengan ibu bapa dan perkara yang memberi motivasi untuk bekerja ialah wang, status dan matlamat jangka panjang.

Masyarakat mempunyai pengaruh yang kuat dalam membendung penagihan semula dadah sekiranya masyarakat memainkan peranannya serta lebih prihatin kepada masalah ini. Mohd Zaidi Mohd Hajazi (2002) dalam kajian mendapati bahawa bekas penagih dadah sukar hidup normal dalam masyarakat kerana pandangan serong, prasangka, diskriminasi,



segregasi dan berbagai tindakan lagi yang cuba menyisahkan mereka daripada masyarakat umum.

Pandangan bekas penagih dadah adalah bekas penjenayah telah menyebabkan kehidupan mereka menjadi sukar. Mc Coy dan Lai (1997) mendapati bahawa dengan label ini mereka menghadapi masalah bagi mendapatkan pekerjaan dan juga bantuan kewangan. Dittmar, Ratnasingam dan Navaratnam (1984) dalam kajian mereka mendapati sikap umum masyarakat terhadap bekas penagih dadah juga tidak banyak membantu dan menyebabkan mereka terasing dan akan mengulangi tabiat penagihan mereka.

Kajian Galaif, Newcomb dan Carmona (2001) bagi melihat hubungan antara masalah penagihan dadah dengan masyarakat dan pekerjaan telah mendapati bahawa masalah penagihan dadah mempunyai hubungan yang signifikan dengan berbagai masalah penyesuaian kerja serta mempunyai tahap penyesuaian diri yang rendah di dalam masyarakat.

Faktor keadaan ekonomi juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kecenderungan bekerja. Keadaan ekonomi yang berkembang dan menguncup akan mempengaruhi jumlah keperluan tenaga kerja dan juga corak pekerjaan yang diperlukan. Montoya (1996) telah membuat kajian bagi melihat persepsi penagih dadah terhadap keadaan ekonomi dan mendapati responden yang tidak bekerja dan tidak berusaha untuk mendapatkan pekerjaan ada kaitan dengan pandangan mereka terhadap keadaan ekonomi yang buruk. Kajian Mazerolle (2004) bagi melihat hubungan faktor ekonomi dan faktor sosial dengan bekerja semula mendapati faktor ekonomi dapat menerangkan hanya enam peratus sahaja terhadap bekerja semula iaitu hubungan yang sedikit dengan bekerja semula.



Rumusan keseluruhan kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa faktor-faktor psikologikal dan sosio-ekonomi yang telah dibincangkan mempunyai pengaruh terhadap kelakuan seseorang. Oleh itu faktor-faktor ini sesuai digunakan dalam kajian ini bagi melihat faktor-faktor manakah yang mempunyai hubungan dengan kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN.

METOD KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian keratan rentas ke atas lapan buah pusat serenti di zon utara iaitu PUSPEN Bukit Cabang di Perlis, PUSPEN Sungai Petani, PUSPEN Karangan dan PUSPEN Serdang di Kedah, PUSPEN Kampung Selamat dan PUSPEN Bukit Mertajam di Pulau Pinang dan PUSPEN Batu Kurau serta PUSPEN Perlop di Perak. Data dalam kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang diisi oleh sampel yang dipilih daripada PUSPEN- PUSPEN tersebut.

Dalam kajian ini tumpuan diberikan untuk mengenal pasti faktor-faktor psikologikal iaitu nilai, keperluan, kepercayaan kepada hasil kerjaya, pencapaian akademik serta faktor sosio-ekonomi iaitu keluarga, rakan sebaya, sekolah, masyarakat dan keadaan ekonomi yang mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni-penghuni PUSPEN. Faktor-faktor psikologikal dan faktor-faktor sosio-ekonomi adalah merupakan pembolehubah bebas dan kecenderungan bekerja adalah pembolehubah terikat.

POPULASI DAN SAMPEL



Populasi kajian ini ialah semua penghuni Melayu yang sedang berada di fasa empat sahaja iaitu fasa terakhir sebelum mereka dibebaskan dari PUSPEN. Kajian oleh Mahmood, Md. Shuib Che Din dan Abdul Halim Othman (1992) mendapati bahawa mereka yang berada di fasa terakhir mempunyai peningkatan dalam harga diri dan peningkatan dalam motivasi dalaman. Semasa kajian ini dijalankan jumlah populasi adalah seramai 319 orang. Jadual 1 menunjukkan bilangan populasi bagi setiap PUSPEN di zon utara.

Jadual 3.1: Jumlah Populasi dan Sampel Penghuni PUSPEN Zon Utara

Bil.	PUSPEN	Populasi	Sampel	Peratus
1.	Bukit Cabang	22	22	100
2.	Sungai Petani	56	30	53.6
5.	Karangan	38	30	78.9
4.	Serdang	14	14	100
5.	Kampung Selamat	21	21	100
6.	Bukit Mertajam	22	22	100
7.	Batu Kurau	45	30	66.7
8.	Perlop	101	30	29.7
Jumlah		319	199	61.3

Bagi sampel kajian jumlah yang diambil adalah seramai 30 orang bagi setiap PUSPEN dan jumlah keseluruhan sampel adalah seramai 240 orang. Sampel kajian ini dipilih secara rawak mudah berdasarkan senarai penghuni Melayu yang sedang berada di fasa empat yang diperolehi daripada Pegawai Hal Ehwal Penghuni PUSPEN yang berkenaan. Jumlah peratus sampel yang diambil daripada populasi adalah sebanyak 61.3



peratus. Jadual 1 memperihalkan jumlah dan peratus sampel yang diambil bagi setiap PUSPEN.

INSTRUMEN KAJIAN

Bagi memperoleh maklumat untuk kajian ini, alat ukuran yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama soal selidik ini berkaitan dengan maklumat diri responden. Manakala bahagian kedua ialah soal selidik berkaitan faktor-faktor psikologikal. Faktor-faktor ini ialah faktor nilai yang diukur menggunakan *Rokeach Value Survey (Rokeach, 1973)*, faktor keperluan asas yang diukur menggunakan *Needs Assessment Survey (Kobylarz, 1996)*, kepercayaan kepada hasil kerjaya yang diukur menggunakan *Employment Interest Survey (Hergenrather, 2004)* dan pencapaian akademik yang diukur menggunakan tahap pencapaian pendidikan tertinggi yang diperolehi oleh responden.

Bahagian ketiga pula ialah soal selidik berkaitan faktor sosio-ekonomi iaitu faktor pengaruh keluarga dan rakan sebaya yang diukur menggunakan *Perceived Social Support From Friends and Families (Procidano & Heller, 1983)*, faktor pengaruh sekolah dan masyarakat yang diukur menggunakan soal selidik pengaruh persekolahan dan pengaruh masyarakat yang dibentuk oleh Yahaya Don (1999) dan keadaan ekonomi dibentuk oleh penyelidik sendiri.

Responden telah diberi penerangan mengenai tujuan kajian dijalankan dan juga perkara-perkara yang terkandung dalam soal selidik oleh penyelidik sendiri dengan dibantu oleh Pegawai-pegawai Pemulihan di PUSPEN berkenaan. Ini bertujuan meningkatkan kefahaman responden mengenai setiap item yang terkandung dalam soal selidik ini.



ANALISA DATA

Data-data yang dikutip dari soal selidik ini akan dianalisa dengan menggunakan

SPSS for Window (*Statistical Package for Social Science*) versi 12.0.

Bagi menguji hipotesis nul kajian ini, ujian-ujian inferens yang bersesuaian telah digunakan seperti ujian-t, ujian regresi dan kaedah korelasi Pearson. Laporan kajian menghadkan angka-angka kepada dua titik perpuluhan sahaja dan aras keyakinan yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.05 dalam menentukan tahap kepercayaan keputusan yang diperolehi.

KEPUTUSAN

Jumlah responden dalam kajian ini ialah seramai 199 orang. Kategori umur responden yang paling ramai ialah empat puluh tahun ke atas iaitu sebanyak 27.1 peratus manakala yang paling sedikit ialah di antara umur dua puluh satu hingga dua puluh lima tahun iaitu sebanyak 10.6 peratus. Tahap pendidikan paling tinggi responden ialah di tahap tingkatan empat hingga lima iaitu sebanyak 43.2 peratus, tingkatan satu hingga tiga sebanyak 34.7 peratus dan yang tidak bersekolah sebanyak 3.5 peratus.

Jenis pekerjaan yang paling ramai responden sebelum masuk ke PUSPEN ialah jualan, bekerja kilang dan pengangkutan. Manakala yang menganggur adalah sebanyak 8 peratus.

Ujian telah dijalankan ke atas semua faktor-faktor yang dikaji. Berdasarkan keputusan ujian korelasi Pearson yang telah dijalankan seperti Jadual 2



menunjukkan bahawa hanya faktor keperluan ($r=0.142, p<0.05$) dan faktor kepercayaan kepada hasil kerjaya ($r=0.138, p<0.05$) sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Manakala faktor-faktor lain yang dikaji iaitu nilai, pencapaian akademik, pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sekolah, pengaruh masyarakat dan keadaan ekonomi menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan dengan kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN.

Jadual 2
Korelasi Pembolehubah Kajian dengan Kecenderungan Bekerja

<u>Pembolehubah Kajian</u>	<u>n</u>	<u>Korelasi (r)</u>	<u>Sig (p)</u>
Nilai	199	-0.017	0.873
Keperluan	199	0.142	0.045
Kepercayaan Kepada Hasil Kerjaya	199	0.138	0.051
Taraf Pendidikan	199	0.047	0.51
Keluarga	199	0.041	0.561
Rakan Sebaya	199	0.019	0.791
Sekolah	199	0.004	0.954
Masyarakat	199	0.026	0.710
Keadaan Ekonomi	199	0.035	0.626

Kajian ini juga telah menguji hubungan di antara semua pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. Berdasarkan Jadual 3 hasil kajian ini juga mendapati hanya 35 peratus sahaja faktor-faktor ini menerangkan mengenai hubungan ini dan selebihnya adalah dipengaruhi oleh lain-lain faktor.

Jadual 3
Model Analisa Regresi



Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.188a	.035	-.015	4.8186

a. *Predictors: (Constant)*, nilai, ekonomi, keluarga, taraf pendidikan, kerjaya, rakan, keperluan, masyarakat, sekolah.

Kesimpulan kajian ini mendapati model kajian yang dibentuk oleh pengkaji tidak disokong sepenuhnya. Kajian hanya menyokong dua pembolehubah iaitu faktor keperluan dan faktor kepercayaan kepada hasil kerjaya sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Di antara kedua-dua faktor ini faktor keperluan adalah lebih signifikan daripada faktor kepercayaan kepada hasil kerjaya dalam mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Lain-lain faktor dalam kajian ini mempunyai hubungan yang negatif dalam mempengaruhi kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN.

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati faktor keperluan dan kepercayaan kepada hasil kerjaya sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Individu akan mengubah dan memperkukuhkan tingkah lakunya bagi memenuhi keperluan dirinya. Keperluan utamanya ialah keperluan kewangan dan bagi memenuhi keperluan ini mereka perlu bekerja. Dalam kajian ini hampir 73 peratus daripada responden adalah bujang ataupun duda dan 23 peratus berkahwin. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa berdikari dan tidak boleh mengharapkan orang lain untk membantu mereka. Oleh itu untuk mendapatkan pekerjaan adalah penting kepada mereka.



Bagi mereka yang berkahwin keperluan kewangan adalah amat diperlukan bagi menampung perbelanjaan keluarga tambahan pula mereka adalah ketua keluarga yang perlu memenuhi tanggungjawab ini. Menurut Leana dan Feldman (1995), tanggungjawab terhadap keluarga akan menyebabkan meningkatnya penglibatan dalam pekerjaan. Bekas penagih dadah yang tamat program rawatan dan pemulihan menunjukkan sikap yang lebih positif. Oleh itu mereka akan lebih yakin dengan mempunyai pekerjaan kerana masyarakat akan dapat menerima mereka kembali.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kepercayaan kepada hasil kerjaya mempunyai hubungan yang positif dengan kecenderungan bekerja. Bekas-bekas penagih dadah perlu membuktikan kepada masyarakat bahawa mereka masih lagi produktif, bukan malas untuk bekerja dan hanya memerlukan simpati dari orang lain. Dengan mempunyai pekerjaan mereka akan menjadi lebih stabil dan juga akan memperolehi sesuatu yang lebih bermakna kepada diri mereka bersesuaian dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Hergenrather (2004). Dalam kajian ini hanya 8 peratus sahaja daripada responden yang menganggur dan tidak diketahui pekerjaan mereka.

Hasil kajian juga mendapati faktor psikologikal iaitu nilai, pencapaian akademik dan faktor-faktor sosio-ekonomi iaitu pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh sekolah, pengaruh masyarakat serta pengaruh keadaan ekonomi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Sebagaimana yang diketahui penagih dadah mempunyai dunia mereka yang tersendiri, tahap pendidikan rendah serta perhubungan yang lemah dengan keluarga, masyarakat dan persekitaran. Mereka sering bertindak mengikut pemikiran mereka sahaja. Oleh itu persepsi ini perlu diubah dan keluarga serta masyarakat perlu bersama-sama membantu penagih dadah untuk mengubah corak penghidupan mereka serta mempunyai pekerjaan yang dapat menjamin masa depan



mereka.

Latar belakang mereka sebagai bekas penagih dadah menyebabkan mereka sukar untuk berhadapan dengan orang ramai. Tambahan pula masyarakat kurang memberi kepercayaan untuk membantu mereka terutamanya dari segi pekerjaan dan oleh itu mereka terpaksa mencari jalan sendiri untuk terus hidup. Disebabkan keadaan ini maka wujud jurang di antara mereka dengan masyarakat dan apabila mereka, pula mengasingkan diri maka jurang ini akan bertambah besar.

CADANGAN

Pembangunan kerjaya bagi bekas penagih dadah adalah berbeza dengan orang lain kerana impak kepada keperluan tersebut kepada mereka. Oleh itu kajian yang khusus dan berasingan perlu diperbanyakkan lagi bagi melihat keperluan dan pembangunan kerjaya ke atas bekas-bekas penagih dadah. Ini adalah kerana jangkaan, keutamaan dan keupayaan mereka sentiasa berubah mengikut peredaran masa. Mereka bukan sahaja menghadapi perubahan personaliti tetapi ia juga berkaitan dengan perubahan persekitaran.

Kajian yang dijalankan merangkumi pembolehubah psikologikal dan pembolehubah sosio-ekonomi ini merupakan satu kajian yang kompleks. Bagi kajian lanjutan adalah diharapkan tumpuan hanya diberikan kepada satu jenis pembolehubah sahaja supaya kajian tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih mendalam lagi bagi mendapatkan hasil yang lebih bermakna bagi menerangkan hubungan faktor-faktor tersebut dengan kecenderungan bekerja.

Dalam kajian ini tumpuan hanya diberikan kepada penghuni yang sedang menjalani program rawatan dan pemulihan dadah di dalam institusi. Oleh itu, diharapkan kajian akan datang supaya memberi tumpuan kepada bekas



penagih dadah yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan dalam komuniti. Ini adalah kerana bilangan mereka yang sedang menjalani program pemulihan dalam komuniti adalah lebih ramai berbanding dengan mereka yang sedang menjalani program rawatan dalam institusi. Hasil kajian nanti akan dapat membantu dalam perancangan pembangunan kerjaya bekas-bekas penagih dadah seterusnya menjadikan mereka juga lebih produktif.

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian keratan rentas. Oleh itu pengkaji ingin sarankan supaya kajian lanjutan memberi perhatian untuk jangka panjang samada penghuni bekerja atau tidak selepas keluar dari PUSPEN. Kajian juga perlu memberi penekanan bagi mengetahui faktor-faktor individu itu bekerja semula. Dengan cara ini ia dapat menambahkan lagi maklumat dan dapat meningkatkan lagi kefahaman mengenai tingkah laku penghuni PUSPEN selepas dibebaskan serta dapatan kajian nanti dapat membantu dalam merangka program kepada mereka ini.

Kajian juga perlu dijalankan bagi melihat bagaimana masyarakat atau pihak lain dapat membantu bekas-bekas penagih dadah dalam memenuhi keperluan supaya persepsi negatif masyarakat terhadap mereka dan persepsi bekas penagih dadah kepada masyarakat dapat dihapuskan. Dengan itu keperluan seperti latihan atau bantuan dapat dikenal pasti dengan tepat bagi meningkatkan penglibatan mereka dalam pekerjaan.

KESIMPULAN

Kajian ini adalah merupakan satu kajian tinjauan bagi melihat hubungan di antara pengaruh psikologikal dan pengaruh sosio-ekonomi dengan



kecenderungan bekerja penghuni PUSPEN. Pengkaji berpendapat kajian ini penting dan perlu diperbanyakkan lagi bagi meningkatkan pengetahuan mengenai kecenderungan bekerja penagih dadah supaya perancangan dan persediaan dapat dibuat. Hal ini diharap dapat membantu penagih meninggalkan tabiat buruk mereka dan kembali kepada kehidupan sebenar serta mempunyai pekerjaan yang tetap dan membantu dalam pembangunan negara serta menjadi rakyat yang berguna.

Rujukan

- Abdullah Al-Hadi Hj. Muhamed & Iran Herman (1997). *Penagihan Dadah Mengikut Kaum, Diri, Keluarga dan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan dengan Kerjasama UPM dan UKM.
- Abdul Ghaffar Taib. (1989). *Dadah dan Pencegahan di Malaysia*. K.L.:PAM Publishing Sdn. Bhd.
- Adam, G.A., King, L.A. & King D.W. (1996). Relationships of Job and Family Involvement, Family Social Support and Work Family Conflict With Job and Life Satisfaction. *Journal of Applied Psychology*, 81(4), 411-420.
- Agensi dadah Kebangsaan. (1997) *Kenali dan Perangi Dadah, Hidup Ceria Tanpa dadah*. Petaling jaya: Percetakan Solai.
- Ajzen, I. (2001). Nature and Operation of Attitudes. *Annual Review Psychology*.Vol.52. pg 27-58.



- Atkinson, J.S., Montoya, I.D., Atrevina, R., Richard, A.J. (2000). Labor Force Participation in a Sample of Substance Users. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, August.
- Betz, N. E. & Voyten, K.K. (1997). Efficacy and Outcome Expectations Influence Career Exploration and Decideness. *Career Development Quarterly*, Vol. 46. pg 179-189.
- Boundy, D., Collelo, T. (2001). Preventing Relapse Among Inner-City Recovering Addicts *ReelizationsMedia*. Phase 1, SBIR Grant http://www.reelizations.com/rptno_relapse.htm.
- Bray, J.W.(2000). Symptoms of Dependence, Multiple Substance Use and Labor Market Outcomes. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, Feb.
- Carson-Dewitt, R.S.(2001). Substance Abuse and Dependence. *Gale Encyclopedia of Medicine*. April 6.
- Coelho, R.J. (1980). A Severe Employment Handicap: A Criminal Record. *Journal of Employment Counseling*, (17), 75-80.
- Conner, M., & Spark, P. (1996). *The Theory of Planned-Behaviour and Health Behaviour*. In M. Conner & P. Norman (Eds.). Predicting Health Behaviour. Buckingham:Open University Press, pg 121-162.
- Cynthia Joseph (1994). Perkaitan Antara Konsep Diri, Aspirasi Kerjaya, Sistem Nilai dan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat di Sebuah MRSM. Tesis Sarjana:USM.



- Delina, E.M., & George, E.M. (1999). *Therapy Manual For Drug Addiction Series*. University of Pennsylvania.
- Dishion, T.J., Patterson, G.R., Stoolmiller, M. & Skinner, M.L. (1991). Family, School and Behavioral Antecedents to Early Adolescent Involvement With Antisocial Peers. *Development Psychology*, 27(1), pg 172-180.
- Dittmar, M., Ratnasingam, M. & Navaratnam, V. (1984). A Comparative Analysis of The Psychological Profile of Institutionalised Drug Using Population. Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan, USM.
- Feldman, D.C. (2002). *Career Indication and Vocational Choices of Teenagers and Young Adult*. In. Feldman, D.C. (Ed.). *Work Careers: A Developmental Perspectives*, San Francisco: Jossey-Bass. 93-125.
- Galaif, E. R., Newcomb, M.D. & Carmona, J.V. (2001). Prospective Relationships Between Drug Problems and Work Adjustment in a Community Sample of Adults. *Journal of Applied Psychology*, 86(2), pg 337-350.
- Grant, G.G.(2001). Between Us, Helping a Recovery Addict, Brief Article, Marital Reconciliation. *Essence*, May.
- Harrington, T. & Harrington, J. (2002). The Ability Explorer: Translating Super's Ability-Related Theory Propositions Into Practice. *Career Development Quaterly*, June 2002.
- Hergenrather, K.C. (2004). Employment-Seeking Behavior of Persons With HIV/AIDS: A Theory-Based Approach. *Journal of Rehabilitation*, Oct-Dec.



Huffman.M.L., & Torres, L. (2001). Job Search Methods: Consequences For Gender-Based Earning Inequality . *Journal of Vocational Behaviour*, 58, 127-141.

Hotckiss, L. & Borrow, H.(1996). *Sociology Perspective on Work and Career Development*. In D. Brown, L. Brooks Assoc. (Ed.) *Career Choice and Development : Applying Contemporary Theories to Practice*. (3 ed.). San Francisco: Jossey-Bass. pg 281-334.

Issacson, L.E. & Brown, D. (2000). *Career Information, Career Counseling and Career Development*. (7 ed.). Needham Height: A Pearson Education Co.

Kandel, D.B. (1996). The Parental and Peer Contexts of Adolescent Deviance : An Algebra of Interpersonal Influences. *Journal of Drug Issues*, 26(2), 289-315.

Kanfer, R., Wanberg,C.R., Kantrowitz, T..M.(2001). Job Search and Employment: A Personality-Motivational Analysis and Meta-Analytic Review. *Journal of Applied Psychology*. 86(5), 837-855.

Kniveton, B. H. (2004). Influences and Motivation on Which Students Base Their Choice of Career. *Research in Education*. Nov.

Leana, C.R. & Feldman, D.C. (1995). Finding New Jobs After a Plant Closing:Antecedents and Outcomes of the Occurrence and Quality of Reemployment. *Human Relation*, 48(12), pg 1381-1400.

Mahmood, N.M., Ismail Ishak & Noor Azniza Ishak (2003). Program Pemulihan Luar Institusi Untuk Penagih Dadah. UUM.



Mahmood, N.M., Md Shuib Che Din, Abdul Halim Othman (1992). Is Alteration of Defence Mechanisms a Good Indicator for Mental Well Being Among Psychoactive Addicts? *Pakistan Journal of Psychology Research* Vol. 7(1-2). pg 1-8.

Mahmood, N.M., Md Shuib Che Din, Lasimon Matokrem, Muhammad Dzahir Kasa & Rusli Ahmad. (1999). *Penagihan Dadah dan Residivisme: Aspek-Aspek Psikososial dan Persekitaran*. Sintok: UUM.

Mahmood, N.M., Muhammad Dzahir Kasa & Yahaya Don. (2004). Providing Jobs to the Scum of Society : Does Helping Recovering Drug Addicts Hinder Organizational Competitiveness. Kertas Kerja di Bentangkan di International Symposium on Human Resources Strategies For Sustainable Competitiveness. Surabaya, Indonesia pada 2-4 November 2004.

Maklumat Dadah 2008

Marks, A. (2002). Job Elude Former Drug Addicrs. *The Christian Science Monitor*, June 4.

Mazerolle, M.J. (2004). Economic and Social Correlates of Re-Employment Following Job Displacement: Evidence From 21 Plant Closures in Ontario. *American Journal of Economics and Sociology*. July, 2004.

Mc Coy, C. B. & Lai, S. (1997). No Pain No Gain: Establishing The Kunning , China. Drug Rehabilitation Center. *Journal Of Drug Issues*. 27(1), 73-85.



- Mohd Zaidi Mohd Hajazi (2002). Pemulihan Komuniti: Pemasukan Sosial Bekas Penagih, Kes Kajian Rumah Sahabat Insaf, Kuala Muda. Tesis Ph.d. UKM.
- Montoya. I.D.(1996). Economic Perception and Expectation of Out of Treatment Drug Users. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse*. August.
- Osipow, S.H. & Fitzgerald, L.F.(1996). *Theories of Career Development*, (4 ed). Mass: Allyn & Bacon.
- Ost, V.W. (2000). Bias Against Recovered Alcoholics and Other Drug Addict. The Van Ost Institute. February 2.
- Paa, H.K. & Mc Whirter, E.H. (2000). Perceived Influences on High School Students Current Career Expectation. *Career Development Quarterly*, 49, 29-44.
- Pornthip Chalungsooth (1989). Career Decision Making of Southeast Asian Women. Dissertation Ph.D. Northern Illinois University.
- Procidano, M. E., & Heller, K. (1983). Measures of Perceived Social Support From Friends and From Families: Three Validation Studies. *American Journal of Community Psychology* 11(1). Pg 1-25.
- Rokeach. M. (1973). *The Nature of Human Values*. New York: Free Press.
- Shahnasarin, M. (2001). Career Rehabilitation: Integration of Vocational Rehabilitation and Career Development In the Twenty First Century-Career Development Industry. *Career Development Quarterly*, March.



Sterling, R.C.(2001). Correlates of Employment: A Cohort Study. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse*. May.

Super, D.E. (1984). *Career and life Development*. In D. Brown, L. Brooks Assoc. (Ed.). *Career Choice and Development: Applying Contemporary Theories to Practice*. San Francisco: Jossey-Bass. pg 193-234.

Super, D.E. (1990). *A Life Span, A Life Space Approach to Career Development*. In D. Brown, L. Brooks Assoc. (Ed.). *Career Choice and Development: Applying Contemporary Theories to Practice (2 ed.)*. San Francisco: Jossey-Bass. pg 197-261.

Super, D.E., Savickas, M.C. & Super, C.M. (1996). *The Life-Span, Life-Space Approach to Careers*. In D. Brown & L. Brooks & Assoc. (Ed.) *Career Choice and Development*. 3 ed. San. Francisco: Jossey-Bass, pg 121-178.

Szymanski, E.M. & Maxwell, C.H. (1996). Career Development of People With Developmental Disabilities: An Ecological Model. *Journal of Rehabilitation*, Jan-Mac.

Tang, M., Fouad, N.A. & Smith, P.L. (1999). Asian Americans' Career Choices: A Path Model to Examine Factors Influencing Their Career Choices. *Journal of Vocational Behavior*, 54(1), pg 142-157.

Turner, S.(2002), Career Self-Efficacy and Perseptions of Parents Support in Adolescent Career Development. *Career Development Quarterly*, Sept.



Weinrach, S.G. (1996). The Psychological and Vocational Interest Patterns of Donald Super and John Holland. *Journal of Counseling and Development*. 76(1), pg 5-17.

Yahya Don (1999). Hubungan Penagihan Dadah Dengan Kelakuan Jenayah: Pengaruh Faktor-Faktor Psikososial dan Institusi Terpilih. Kajian Sarjana UUM.

Zackon, F. (2001). *Lifestyle Planning and Monitoring. Readiness, Guidance and Growth*. In. R.H., Coombs (ed.) *Addiction Recovery Tools. A Practical Handbook*. California: Sage Publication.

Zlotnick, C. (2002). Substance Use and Labor Force Participation Among Homeless Adults. *American Journal of Drug and Alcohol Abuse*, Feb.